

# PERKONGSIAN

## PERAKAUNAN UNTUK PERKONGSIAN (PEMBUBARAN PERKONGSIAN)

**Akaun Realisasi** - Akaun yang dibuka untuk menentukan untung atau rugi semasa proses pembubaran perkongsian.

Format Akaun Realisasi:

$$A + \textcolor{red}{B} = L + E + \textcolor{red}{H}$$

Dt. **Akaun Realisasi** Kt.

**Belanja** realisasi ialah:

- i. Kos / nilai buku **aset** (kecuali tunai dan bank)
- ii. Butiran **belanja realisasi**
- iii. **Belanja lain** yang baru ditemui dan dibayar sewaktu pembubaran

**Akaun Modal Pekongsi (Untung realisasi) #**

#angka pengimbang

**Hasil** realisasi ialah:

- i. Penerimaan daripada **jualan aset bukan** semasa ketika pembubaran
- ii. **Aset yang diambil alih** oleh pekongsi
- iii. **Kutipan** daripada **Akaun Belum Terima**
- iv. **Diskau** diterima daripada Akaun Belum Bayar
- v. **Hasil lain** yang diterima sewaktu pembubaran

**Akaun Modal Pekongsi (Rugi realisasi) #**

SETIAP MAKLUMAT TAMBAHAN, KENAL PASTI SAMA ADA:



HASIL REALISASI



BELANJA REALISASI



BAYAR LIABILITI

### LANGKAH - LANGKAH AWAL MENJAWAB

Buka ketiga-tiga Akaun Realisasi, Akaun Modal dan Akaun Bank serentak. Sebelum memulakan perekodan langkah pembubarans, pelajar perlu melakukan perkara-perkara berikut terlebih dahulu:

- i. Memindahkan baki bank soalan ke Akaun Bank.
- ii. Memindahkan baki akaun modal soalan ke Akaun Modal.
- iii. Jika soalan memberikan baki akaun semasa, pindahkan baki akaun-akaun semasa itu ke akaun modal pekongsi.  
**Tips:** Memandangkan akaun semasa dan akaun modal adalah dari kumpulan akaun Ekuiti Pemilik, proses memindahkan baki akaun semasa ke akaun modal adalah mudah.
  - Jika akaun semasa **berbaki kredit**, pindahkan sahaja ke sebelah **kredit** akaun modal.
  - Jika akaun semasa **berbaki debit**, pindahkan sahaja ke sebelah **debit** akaun modal.
- iv. \*Berhati-hati dengan lajur nama pekongsi untuk elakkan tersilap pindah ke nama yang salah.  
Jika soalan memberikan baki tunai, kontrak baki tunai itu ke bank. Dalam erti kata mudah, baki tunai itu akan dimasukkan ke sebelah **debit Akaun Bank**.

### LANGKAH PEMBUBARAN:

- v. Tutup semua aset selain daripada tunai dan bank ke sebelah debit Akaun Realisasi.
- vi. Selesaikan satu-persatu mакlumat tambahan (kenalpasti **H**, **B** atau **BL**).
- vii. Setelah selesai maklumat tambahan, kirakan pembahagian untung atau rugi realisasi dan bergunakan ke akaun modal pekongsi.
- viii. Akhir sekali, imbangkan akaun modal pekongsi dan bergukan ke akaun bank.

## PANDUAN MEREKOD UNTUK TAJUK PEMBUBARAN PERKONGSIAN

### KENALPASTI AKAUN UNTUK DIBERGUKAN

